

Malaysia janji bantu Bosnia

BH 12 OCT 2000

Daripada Azhar A Samah

SARAJEVO, Rabu – Malaysia akan membantu memulihkan ekonomi Bosnia Herzegovina dan kedua-dua negara sudah mengenal pasti bidang dan jenis kerjasama yang akan dijalankan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, Malaysia juga mahu mengenal pasti produk dari Bosnia yang boleh dibeli oleh negara bagi meningkatkan imbalan perdagangan dan hubungan perdagangan dua hala yang ketika ini memihak kepada Malaysia.

"Kita akan bersama-sama usahawan Malaysia untuk kurangkan defisit perdagangan di antara kedua-dua negara," katanya selepas mengadakan perbincangan dengan Presiden Bosnia, Alija Izetbegovic.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyerahkan replika cek bernilai mark Jerman 200,000 (RM432,000) untuk membantu pemindahan pelarian Bosnia untuk pulang ke kampung asal mereka di Srebrenica.

Perdana Menteri berkata, beliau juga berharap syarikat Yugoslavia yang sebelum ini aktif dalam pelaburan di Malaysia supaya aktif semula dengan men-

Malaysia mahu mengenal pasti produk dari Bosnia yang boleh dibeli bagi meningkatkan imbalan perdagangan dan hubungan perdagangan dua hala

jalinkan usaha sama dengan usahawan Malaysia.

"Kebanyakan syarikat ini berpangkalan di Sarajevo," katanya sambil menambah, mereka boleh menyertai kontrak secara usaha sama dengan syarikat tempatan.

Sementara itu, Alija berkata, Bosnia Herzegovina amat berterima kasih kepada Malaysia yang menunaikan janji membantu Bosnia, baik dari segi ekonomi dan menghantar pasukan pengamannya.

"Dr Mahathir memberi sokongan kuat kepada Bosnia ketika masih dalam peperangan dan selepas perang, terutama dalam bidang pelaburan bagi memperbaiki ekonomi negara itu," katanya.

Beliau menghargai sokongan berterusan Malaysia ke atas Bosnia dan menjadi negara pertama menunaikan janjinya membantu rakyat Bosnia.

Sebelum itu, Dr Mahathir mengadakan kunjungan hormat ke atas Presi-

den Alija dan dua ahli majlis Presiden Bosnia, Zirco Radisic dan Ante Jelavic, masing-masing mewakili kaum Serb dan Croat-Bosnia.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sarajevo pada kira-kira jam 12.30 tengah hari (waktu tempatan) untuk kunjungan kerja sehari ke Bosnia.

Bellau dan isteri disambut oleh Menteri Luar Bosnia, Dr Jadranko Prlic, Datuk Bandar Sarajevo, Dr Muhidin Hamamdzic dan Kuasa usaha Malaysia ke Bosnia, Mohd Hatimi Abas.

Perdana Menteri juga menyampaikan syarahan di Universiti Sarajevo, ditemu bual sistem televisyen Bosnia (BIH), dan diwawancara oleh akhbar Ljiljan yang mengalih bahasa buku beliau Kebangkitan Semula Asia ke dalam bahasa Bosnia.